


# Perkhidmatan Undang-undang Visa Perlindungan dan Rayuan

## Siapa kami

Circle Green Community Legal adalah pusat undang-undang komuniti tanpa untung yang berpangkalan di Perth. Kami membantu urusan undang-undang kerja-kerja kemanusiaan, penyewaan dan tempat kerja. Kami adalah pakar perkhidmatan undang-undang imigresen seluruh negara.

Pasukan kerja kemanusiaan membantu orang yang baru di Australia daripada latar belakang budaya dan bahasa yang pelbagai (CaLD), termasuk pemegang visa kemanusiaan, orang yang mencari perlindungan, pelarian, pemegang visa sementara yang mengalami keganasan rumah tangga dan orang yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan undang-undang.



## Bagaimana kami boleh membantu

Perkhidmatan Undang-undang Visa Perlindungan dan Rayuan kami menyediakan perkhidmatan memberi nasihat dan bantuan untuk permohonan visa perlindungan awal dan rayuan kepada Tribunal Rayuan Pentadbiran dan Mahkamah Persekutuan.

Kami memberikan nasihat undang-undang dan bantuan mengenai:

- Permohonan visa perlindungan. Visa perlindungan memberikan pemastautin tetap di Australia untuk orang-orang yang tidak dapat kembali ke tempat asal disebabkan oleh risiko bahaya atau penganiayaan yang serius.
- Rayuan kepada Tribunal Rayuan Pentadbiran dan Mahkamah Persekutuan.
- Kami juga menyediakan perkhidmatan satu kali nasihat tentang permohonan awal dan had masa akan datang.

Kami juga boleh membantu menghubungkan anda dengan perkhidmatan undang-undang dan bantuan yang berkaitan.



# Perkhidmatan Undang-undang Visa Perlindungan dan Rayuan

## Siapa yang kami boleh bantu?

- ❓ Adakah anda pemegang visa di Australia dan sedang mencari perlindungan daripada negara asal anda?
- ❓ Adakah anda memerlukan bantuan untuk memohon perlindungan di sini?
- ❓ Pernahkah permohonan anda untuk mendapatkan perlindungan ditolak dan adakah anda memerlukan nasihat tentang pilihan yang anda ada untuk membuat rayuan?
- ❓ Adakah anda mempunyai temu janji, tarikh untuk hadir ke mahkamah atau tarikh perbicaraan yang akan datang?
- ❓ Adakah anda telah menerima surat pemberitahuan yang mempunyai had masa untuk dibalas?
- ❓ Adakah anda sedang mempertimbangkan untuk membuat rayuan ke Tribunal Rayuan Pentadbiran atau Mahkamah Persekutuan?



## Bagaimana untuk mendapatkan bantuan

Jika anda menjawab 'ya' untuk mana-mana soalan berikut, anda mungkin layak mendapatkan khidmat kami.

Sila hubungi kami jika anda memerlukan perkhidmatan kami.

**Semua perkhidmatan kami adalah sulit dan percuma, dengan akses kepada jurubahasa jika diperlukan.**

## Hubungi kami

☎ (08) 6148 3636


@ [humanitarian@circlegreen.org.au](mailto:humanitarian@circlegreen.org.au)

📍 Ground Floor, 445 Hay Street  
Perth WA, 6000

Isnin hingga Jumaat  
9:30 am - 4:00 pm

🌐 [www.circlegreen.org.au/projects/protection-visa/](http://www.circlegreen.org.au/projects/protection-visa/)

Imbas saya dengan  
kamera telefon  
anda



**Circle Green**  
Community Legal